

02/03/2002

Negara Taman menjelang 2005

Zainor Said

LANSDKAP bukan lagi asing kepada masyarakat di negara ini, terutama di kawasan bandar. Semakin banyak premis sama ada kediaman persendirian, hotel, taman rekreasi, rumah ibadat, resort, hospital, pusat pengajian tinggi malahan sekolah, mula memberi penekanan terhadap persekitaran hijau dan menghiasinya dengan seni landskap yang indah dan menarik.

Malahan sesetengah pihak pemaju menjadikan landskap salah satu komponen penting seiring dengan projek yang dibangunkan. Ia bukan lagi aspek sampingan pembangunan, malahan dianggap penyumbang penting kepada sektor pelancongan serta pembangunan ekonomi negara.

Berikutan dengan kesedaran serta permintaan yang semakin meningkat, landskap kini dilihat sebagai satu industri penting, sama ada dalam pembangunan tanah, perumahan, rekreasi, komersial dan pelancongan, selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Negara Dalam Taman menjelang 2005.

Bagi memenuhi permintaan tenaga mahir dalam industri ini, kini beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan turut menawarkan program khusus bagi melahirkan graduan dalam bidang seni bina landskap. Dengan adanya tenaga pakar sehingga bertaraf arkitek, mutu landskap yang tinggi dapat dihasilkan secara bijak dan profesional.

Antara IPT yang menawarkan pengajian dalam bidang seni bina landskap ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Selain itu terdapat juga kolej atau institusi pengajian swasta yang turut menganjurkan kursus sama berikutan permintaan yang semakin meningkat.

Kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membangunkan persekitaran hijau dan indah semakin ketara berikutan usaha promosi kerajaan menerusi Jabatan Landskap Negara, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang ditubuhkan pada 1996. Penubuhannya sejajar dengan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan aspek landskap diwajibkan dalam setiap projek pembangunan dan memberi tanggungjawab kepada kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan menangani aspek itu secara serius.

Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah, berkata dengan pembabitan serius semua pihak, beliau yakin Malaysia bukan saja mampu menjadi Negara Taman pada 2005, malahan akan muncul sebagai negara yang mempunyai persekitaran hijau paling indah, khususnya di kalangan negara Islam.

Katanya, inilah antara aspek yang boleh dijadikan modal untuk menarik pelancong luar negara mengunjungi Malaysia. Dengan sumber dan kepakaran yang ada, beliau yakin pembangunan landskap negara ini boleh menandingi pembangunan landskap negara maju.

Beliau berkata, sejak kempen penanaman pokok yang bertujuan mempertingkatkan tahap kehijauan, kualiti landskap dan alam sekitar, yang dilancarkan Perdana Menteri, pada 3 Mac 1997, matlamat menanam 3 juta pokok sehingga tahun 2000 sudah tercapai, malahan sehingga tahun 2001 jumlah pokok yang ditanam sudah mencapai 3.4 juta.

"Matlamat seterusnya ialah mencatat 6.5 juta pokok menjelang 2005 dan menjelang 2020 sasaran yang ingin dicapai ialah 20 juta pokok. Jumlah itu mengambil kira 15 peratus jumlah keseluruhan penduduk menanam pokok di kawasan masing-masing. Setiap tahun 750,00 batang pokok utama telah

disarankan untuk ditanam di seluruh negara," katanya.

Melalui kempen itu, semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan Datuk Bandar dilantik sebagai penaung dan memastikan sasaran bilangan pokok mengikut negeri dicapai seperti yang ditetapkan. Semua agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam di seluruh negara juga digalakkan mengambil bahagian. Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan pula bertindak menyelaraskan semua kegiatan menanam pokok di peringkat masing-masing.

Usaha ini secara langsung mampu mengubah iklim mikro di serata tempat dengan penanaman pokok dalam kuantiti yang banyak sekali gus meningkatkan mutu kebersihan dan keindahan alam sekitar, serta produktiviti rakyat.

Kepesatan perbandaran yang berlaku di seluruh dunia termasuk di negara ini akan memberi kesan kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar. Justeru, kesedaran untuk mengekalkan warisan semula jadi dan kehijauan termasuk pemeliharaan sungai, bukit, hutan dan landskap bandar perlu menjadi agenda penting dalam pembangunan landskap.

Usaha yang dilakukan kerajaan sejajar dengan pernyataan prinsip bagi hutan dalam Agenda 21 yang dipersetujui pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil, iaitu semua negara perlu mengambil bahagian dalam penghijauan dunia melalui penanaman dan pemeliharaan pokok.

Pada persidangan 1992 itu, Perdana Menteri turut menyatakan komitmen Malaysia, akan mengekalkan 50 peratus permukaan buminya dengan kehijauan atau hutan, berbanding negara lain hanya 30 peratus.

Sejak Deklarasi Langkawi 1989 dan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, kerajaan menekankan keperluan untuk menghijaukan bukan sahaja negara tetapi dunia.

Isu 'penghijauan' bermula dengan masalah penipisan ozon kerana pelepasan kloroflorokarbon (CFC) dan bromida, yang dikatakan antara punca kepada peningkatan suhu dunia yang dikhuatiri menyebabkan perubahan ekologi, cuaca dan pencairan salji.

Semua kegiatan penanaman pokok yang dilaksanakan, tidak bererti hanya bagi persekitaran sendiri atau alam sekitar negara sahaja tetapi secara langsung menyumbang kepada peningkatan kualiti alam sekitar dunia.

Komitmen Malaysia menghijaukan negara turut dilihat melalui Program Bersih dan Indah serta Pertandingan Landskap Kebangsaan anjuran Jabatan Landskap Negara sejak beberapa tahun lalu bagi menggalakkan minat orang ramai terhadap keindahan taman.

Menurut Ismail, kesedaran terhadap landskap dan kehijauan alam sekitar perlu bermula daripada rumah khususnya di kalangan ibu bapa. Dari sinilah kita dapat membentuk generasi yang tahu menilai dan menghayati keindahan seni landskap dan alam sekitar.

"Untuk mencapai matlamat itu, Jabatan Landskap Negara telah melaksanakan pelbagai program bagi memastikan pembangunan negara khususnya di kawasan perbandaran dapat diimbangi dengan suasana kehijauan secara terancang.

"Antara usaha berterusan yang dilakukan oleh Jabatan Landskap Negara ialah sambutan Hari Landskap Negara pada 3 Mac, setiap tahun. Sambutan itu menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti landskap dan alam sekitar bagi membina masyarakat madani yang sihat dan mesra alam," katanya.

Sempena Hari Landskap Negara, pertandingan landskap membabitkan pelbagai kategori diadakan setiap tahun termasuk kategori institusi pendidikan untuk merangsang dan mengiktiraf usaha setiap individu bagi mencantikkan kawasan masing-masing di samping menjadikan aktiviti landskap sebagai amalan dan budaya hidup.

Pada tahun ini, katanya sambutan Hari Landskap Negara akan diadakan di Esplanade, Kuala Lumpur City Centre, yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, esok. Sambutan tahun ini bertemakan 'Negara Indah Rakyat

Sejahtera'.

Usaha untuk mempertahankan dan membangunkan landskap yang akan menjadi pemangkin kecemerlangan generasi akan datang perlu dipertingkatkan agar warisan ini tidak pupus ditenggelami arus pembangunan. Pembabitan secara menyeluruh semua pihak dapat menghasilkan suasana kehijauan, keindahan serta keselesaan sepertimana yang dihasratkan, selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah Negara Dalam Taman yang terindah.

(Ikuti laporan khas pengajian Seni Bina Landskap di IPT Isnin ini)

(END)